

# Pengampunan & Perdamaian



**WAWASAN  
PENABUR**

## Pengampunan Dan Perdamaian


Tajuk	: Pengampunan Dan Perdamaian
Penulis	: Dr Lee Bee Teik Forgiveness & Reconciliation ©1997
Penterjemah	: Jously Buaya
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr Lee Bee Teik (MBBS, Monash University) adalah seorang doktor perubatan terlatih sebelum mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjayanya untuk menjadi seorang suri rumah penuh masa. Beliau adalah isteri kepada Rev Dr Hwa Yung, Bishop Emeritus Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan beliau telah menulis banyak buku tentang doa serta isu-isu yang dihadapi oleh manusia. Beliau mengasaskan Reconre Ministries, sebuah pelayanan yang melayani hamba-hamba Tuhan penuh masa melalui pelayanan kaunseling dan retreat.

Hakcipta © 2013 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

## Pengampunan Dan Perdamaian

A black and white illustration of a scroll with a rough, torn edge. The scroll is unrolled, and the text is written in a serif font. The text is a quote from the Bible, specifically 2 Corinthians 5:17-21. The scroll is set against a plain white background.

*“Jadi siapa yang ada di dalam Kristus,  
ia adalah ciptaan baru: yang lama sudah  
berlalu, sesungguhnya yang baru sudah datang.  
Dan semuanya ini dari Allah, yang dengan  
perantaraan Kristus telah mendamaikan kita  
dengan diri-Nya dan yang telah  
memperkirakan pelayanan perdamaian itu  
kepada kami. Sebab Allah mendamaikan dunia  
dengan diri-Nya oleh Kristus dengan tidak  
memperhitungkan pelanggaran mereka.  
Ia telah mempercayakan berita perdamaian itu  
kepada kami. Jadi kami ini adalah  
utusan-utusan Kristus, seakan-akan Allah  
menasihati kamu dengan perantaraan kami;  
dalam nama Kristus kami meminta kepadamu:  
berilah dirimu didamaikan dengan Allah.  
Dia yang tidak mengenal dosa telah dibuat-Nya  
menjadi dosa karena kita, supaya dalam Dia  
kita dibenarkan oleh Allah.”*

*(2 Korintus 5:17-21)*

*Alkitab Indonesia Terjemahan Baru*

**M**engapa subjek “pengampunan” perlu disebut di kalangan orang-orang Kristian? Ada orang Kristian yang menganggap apabila kita telah memperoleh keselamatan melalui Kristus, persoalan untuk mendapatkan pengampunan daripada orang lain atas dosa-dosa kita terhadap mereka, atau pun mengampuni orang lain atas dosa-dosa mereka terhadap kita nampaknya menjadi isu-isu yang kurang penting dalam hidup.

Namun dalam kehidupan, pengajaran, dan misi Penyelamat kita, Yesus Kristus, serta ajaran-ajaran dalam Perjanjian Lama, pengampunan adalah nadi dari keseluruhan rahmat Injil. Tanpa pengampunan dosa melalui kematian dan kebangkitan Yesus, kita tidak boleh berdamai dengan Allah Bapa kita. Tanpa saling mengampuni, kita juga tidak dapat berbaik-baik sesama manusia.

Berkali-kali saya melihat saudara-saudara dalam Kristus menitikkan air mata apabila mereka menceritakan kesakitan yang mereka alami selama bertahun-tahun akibat perbuatan-perbuatan orang lain terhadap mereka. Seolah-olah tiada penyelesaian bagi mereka yang terperangkap dalam kitaran kejam seksaan jiwa dan tabiat-tabiat yang salah.

Saya perhatikan terdapat tiga golongan orang yang mempunyai masalah dengan pengampunan: golongan pertama adalah mereka yang tanpa segan silu menyatakan bahawa mereka tidak boleh atau tidak akan mengampuni “penindas-penindas” mereka. Orang yang

melakukan kesalahan itu harus membayar kesalahan yang mereka telah lakukan. Golongan pertama ini akan terus menuntut ganti rugi dari mereka yang telah menyakiti mereka.

Golongan kedua terdiri daripada mereka yang ikhlas mahu mengampuni “penindas-penindas” mereka tetapi tidak tahu bagaimana untuk menangani hal itu. Ini adalah kerana mereka belum benar-benar memahami secara mendalam apakah makna apabila Allah mengampunkan dosa mereka. Jadi mereka tidak tahu apa maksud sebenar perihal mengampunkan musuh-musuh mereka.

Sementara golongan yang ketiga terdiri daripada orang-orang Kristian yang percaya bahawa mereka telah mengampuni “penindas-penindas” mereka. Tetapi mereka tidak dapat memahami mengapa kepedihan masih dirasai walaupun mereka betul-betul berniat baik terhadap orang yang telah menyakiti mereka.

Sebab itulah buku ini ditulis dengan harapan dapat meyakinkan golongan yang pertama untuk mengampuni, mengajar golongan kedua tentang makna pengampunan; dan meyakinkan golongan ketiga bahawa Allah berkenan atas kesanggupan mereka untuk mengampuni. Tuhan pasti akan menggantikan perasaan negatif mereka terhadap orang yang pernah menyakiti mereka, menjadi perasaan yang positif.

Sejak buku kecil *Forgiveness and Reconciliation* diterbitkan pada tahun 1997, saya mempunyai banyak kesukacitaan melihat individu-individu dan pasangan yang menerima buah pengampunan bagi orang-orang yang telah


## 4 Siri Kaunseling Pastoral

menyakiti dan menganiaya mereka. Apabila mereka mentaati perintah Kristus untuk mengampuni, mereka telah didamaikan dengan rakan sekerja, saudara-mara serta rakan-rakan mereka. Begitu juga dengan anak-anak dan ibu bapa mereka; perdamaian antara suami dan isteri; pastor dengan ahli-ahli gerejanya.

Ada juga masa-masa yang menyedihkan apabila saya melihat keengganan yang berterusan dalam diri beberapa orang yang tidak bersedia untuk mengampuni. Ramai daripada mereka yang terus hidup di bawah beban kehancuran mereka. Saya berdoa agar satu hari nanti mereka akan mengetahui betapa dalam, lebar dan luasnya rahmat serta belas kasihan Allah kepada mereka. Semoga kesedaran itu akan membuat mereka lebih bersedia untuk mengampuni “penindas-penindas” mereka, bukan untuk Tuhan tetapi demi diri mereka sendiri. Kita tidak akan dapat merasakan kesukacitaan dan kebebasan sehinggalah kita memberikan pengampunan kepada orang lain.

Semoga anda dapat merasakan kehadiran Pengampun Agung, iaitu Yesus Kristus sendiri, semasa anda membaca buku ini. Semoga anda dapat mengalami kebebasan daripada-Nya ketika anda mengampuni orang-orang yang telah menyakiti dan menganiaya anda. Semoga anda juga mempercayakan masa lalu, masa kini dan masa hadapan anda kepada Dia yang sangat mengambil berat tentang anda.

## Perbezaan Antara Pengampunan Dan Perdamaian

A black and white illustration of a scroll with a textured, parchment-like surface. The scroll is unrolled and contains text in Indonesian. The text is centered and reads: "Hendaklah kamu saling bersabar dan saling mengampuni apabila ada yang menaruh dendam terhadap orang lain. Kamu harus saling mengampuni sebagaimana Tuhan sudah mengampuni kamu. Di samping melakukan semua itu, kamu harus saling mengasihi, kerana kasih menyatupadukan kamu dengan sempurna. Hendaklah kedamaian yang diberikan oleh Kristus menolong kamu membuat keputusan tentang apa yang harus dilakukan, kerana Allah telah memanggil kamu supaya menjadi anggota satu tubuh, sehingga kamu dapat mengalami kedamaian itu." Below the main text, it says "Bersyukurlah!" and "(Kolose 3:13-15)".

*"Hendaklah kamu saling bersabar dan saling mengampuni apabila ada yang menaruh dendam terhadap orang lain. Kamu harus saling mengampuni sebagaimana Tuhan sudah mengampuni kamu. Di samping melakukan semua itu, kamu harus saling mengasihi, kerana kasih menyatupadukan kamu dengan sempurna. Hendaklah kedamaian yang diberikan oleh Kristus menolong kamu membuat keputusan tentang apa yang harus dilakukan, kerana Allah telah memanggil kamu supaya menjadi anggota satu tubuh, sehingga kamu dapat mengalami kedamaian itu.*

*Bersyukurlah!"  
(Kolose 3:13-15)*

1 **P**engampunan adalah jalan rahmat sehalu yang diberikan oleh orang yang dianiaya/disalahkan kepada orang yang melakukan kesalahan tersebut. Tuhan Yesus mengampuni orang-orang yang membunuh-Nya bahkan sebelum mereka mengetahui mereka telah berdosa terhadap-Nya.

2 **P**erdamaian adalah jalan persahabatan dua hala di antara dua orang atau dua pihak yang pernah bermusuhan. Perdamaian akan hanya berkesan


## 6 Siri Kaunseling Pastoral

apabila seorang yang berdosa mengakui dosanya, menerima pengampunan daripada Allah dan dengan itu menjadi kawan-Nya.

Dalam cara yang sama, Allah mengharapkan kita untuk mengambil inisiatif mengampuni orang-orang yang bersalah terhadap kita, walaupun mereka mungkin tidak tahu/sedar mereka telah bersalah kepada kita. Pengampunan tidak selalunya membawa kepada perdamaian. Contohnya orang yang didera mungkin tidak dapat berhadapan dengan penderanya yang belum bertaubat.


Walau bagaimanapun, sentiasalah mencari perdamaian. Tetapi kita harus tunggu masa Allah. Jangan biarkan rasa bersalah yang palsu melanda kita dengan meminta orang yang kita sedang berseteru berjanji untuk berdamai. Kita perlu bersabar dengan orang lain sama seperti Allah begitu bersabar dengan kita. Lihatlah apa yang Anak Allah telah lakukan untuk kita di atas salib. Perhatikan jarak waktu sebelum kita, orang-orang yang berdosa, seorang demi seorang, dari generasi ke generasi, menerima Dia sebagai Penyelamat dan Sabahat kita.

Anda mungkin ingin membuat nota ringkas tentang apa yang anda telah baca. Ini akan membantu anda untuk melakukan apa yang Tuhan telah katakan kepada anda.





## Tanda-Tanda Dan Gejala-Gejala Tidak Mengampuni



*“Sedangkan bagi kita, di sekeliling kita ada banyak saksi. Oleh itu, marilah kita buang segala halangan yang menghalang kita dan dosa yang berpaut pada kita. Marilah kita tempuh perlumbaan di hadapan kita dengan tekun. Hendaklah pandangan kita tertumpu kepada Yesus, kerana iman kita bergantung kepada-Nya dari permulaan sehingga akhir. Yesus tidak putus asa, walaupun Dia harus mati pada kayu salib. Sebaliknya, kerana kegembiraan yang menantikan-Nya, Yesus tidak peduli bahawa mati pada kayu salib adalah suatu hal yang memalukan. Sekarang Dia duduk di sebelah kanan takhta Allah.”*  
*(Ibrani 12:1,2)*

**T**idak mahu mengampuni dan kesakitan dalam diri kita membuat kita lemah. Ini sedikit sebanyak telah menyebabkan kerosakan dalam hidup kita. Kesakitan adalah seperti kuman-kuman yang menyebabkan bisul-bisul kesakitan dalam hidup kita. Pengampunan adalah seperti torehan pisau bedah seorang doktor untuk melepaskan nanah kesakitan akibat jangkitan bisul tersebut. Kita digalakkan untuk menghilangkan kesakitan, termasuklah apa yang telah

## 8 Siri Kaunseling Pastoral

tertanam terlalu dalam sehingga kita tidak merasa kesakitannya lagi. Sama seperti penyakit dalaman hanya akan dapat dikesan melalui tanda-tanda (misalnya demam), begitulah sikap tidak mahu mengampuni boleh dikesan dalam cara-cara yang tidak dijangka oleh kita:

1. Kita tidak boleh bertentang mata dengan orang yang telah menyakiti kita apabila kita terserempak dengannya. Malah, kita akan cuba sedaya upaya untuk mengelakkan diri daripada berhadapan dengannya.
2. Jika kita terpaksa bercakap dengannya, suara dan postur (gaya diri) kita mendedahkan keadaan kita - kita mungkin merasa tegang, kaku, bersikap kasar, angkuh, palsu/dibuat-buat. Kita membangun tembok di sekeliling kita supaya dia tidak boleh datang terlalu dekat.
3. Kita tidak dapat bergembira dengannya apabila dia diberkati. Kita mendapati sukar atau enggan untuk berdoa untuk kebajikannya.
4. Secara diam-diam kita berharap supaya Allah akan memberi dia satu pengajaran. Contohnya, kita berharap Allah akan menghantar orang lain untuk melakukan sesuatu yang buruk kepada dia supaya dia dapat merasai kesakitan yang kita lalui. Malah biar itu lebih sakit daripada apa yang telah dilakukannya terhadap kita, walaupun dia mungkin melakukannya secara tidak sengaja. Dalam erti kata lain, kita mahu mengutip hutang (menuntut ganti rugi) daripadanya dan bukannya membatalkan hutangnya. Kita gagal

mengerti hakikat bahawa Yesus juga telah mati di kayu salib mati untuk dosa-dosanya.


5. Tanda yang lebih sukar untuk dikesan adalah kita memendamkan kemarahan kita. Bukannya kita marah dengan orang dan berbincang dengan dia tentang salah lakunya bagi menangani masalah, sebaliknya kita menahan kemarahan begitu lama sehingga perasaan itu terpendam. Dan tiba-tiba pada suatu hari, kita meletup dalam amarah atas beberapa perselisihan kecil dengan orang lain yang mungkin paras rupa, tingkah laku atau perangnya sama dengan orang yang telah berlaku salah terhadap kita.

Gejala ini adalah lebih sukar untuk dikesan terutama sekali jika orang yang menyakiti kita itu adalah seseorang yang berkuasa (misalnya atasan atau majikan kita, dan mereka yang diberi kuasa ke atas kita seperti pastor). Ia juga biasa terjadi pada orang yang rapat dengan kita seperti pasangan, anak, saudara mara, rakan-rakan, pekerja dan sebagainya. Sebenarnya dalam budaya Timur kita tidak digalakkan mendatangi, berhadapan atau menuntut penjelasan daripada orang yang berkuasa ke atas kita, terutamanya apabila mereka telah berlaku salah terhadap kita. Ini merupakan salah satu sumber yang paling biasa untuk kemarahan yang terpendam, yang akhirnya membawa kepada dosa kebencian.

Sudah lumrah bagi manusia sekiranya perkara ini berlaku sekali saja, kita mungkin boleh melupakannya dan tidak menghiraukannya. Tetapi jika kita disakiti berkali-kali (sama ada dengan perbuatan atau perkataan), kesakitan

itu akan mula mengakar. Adalah lebih baik jika kita mendapatkan nasihat daripada orang yang kita percayai, berdoa dan memohon agar Tuhan tunjukkan punca (atau punca-punca) supaya kita dapat bertindak menanganinya.

### Memahami Dan Mengalami Pengampunan



*"Petrus datang kepada Yesus dan bertanya, 'Ya Tuhan, jika saudaraku berdosa terhadap aku, berapa kalikah harus aku ampuni dia? Sehingga tujuh kalikah?' Yesus menjawab, 'Bukan tujuh kali, tetapi tujuh puluh kali tujuh kali!'"*  
(Matius 18:21, 22)

**Y**esus Kristus tidak memberi kita sebarang pilihan. Untuk menjadi pengikut-pengikut-Nya, kita diperintahkan untuk mengampuni orang-orang yang telah menyakiti kita. Pengampunan adalah intisari kepada seluruh Injil, ia adalah pusat kepada penyembuhan dan hidup suci.

Keengganan kita untuk mengampuni orang lain akan memusnahkan jambatan melalui mana pengampunan Allah Bapa datang kepada manusia sejagat. Orang-orang Kristian biasanya mengaitkan pengampunan dengan kata-kata seperti, "Sudah tentu! Sebagai seorang Kristian, saya telah mengampuni mereka. Apa sahaja yang sudah lepas,

biarlah ia berlalu. Lupakan saja.” Cara pemikiran dan ucapan tentang pengampunan seperti ini adalah tidak benar dan tidak berkesan. Kita masih memikul semua bebannya. Baca apa yang dikatakan Yesus tentang pengampunan:

*“Janganlah hakimi orang lain, supaya Allah tidak menghakimi kamu juga. Janganlah hukum orang lain, supaya Allah tidak menghukum kamu juga. Ampunilah orang lain, supaya Allah mengampuni kamu juga.”*

(Lukas 6:37)

*“Sepatutnya kamu berdoa begini, ‘Ya Bapa kami yang di syurga, Engkau Allah yang Esa, semoga Engkau disembah dan dihormati. Engkau Raja kami. Semoga Engkau memerintah di bumi, dan seperti di syurga, kehendak-Mu ditaati. Berilah kami makanan yang kami perlukan pada hari ini. Ampunkanlah kesalahan kami, seperti kami mengampuni orang yang bersalah terhadap kami. Janganlah biarkan kami kehilangan iman ketika dicubai, tetapi selamatkanlah kami daripada kuasa Si Jahat.’ Jika kamu mengampuni orang yang bersalah terhadap kamu, Bapa kamu yang di syurga pun akan mengampunkan kesalahan kamu. Tetapi jika kamu tidak mengampunkan kesalahan orang lain, Bapa kamu yang di syurga tidak akan mengampunkan kesalahan kamu juga.”*

(Matius 6:9-15)

### Pengampunan **BUKANLAH:**

1. Menutup mata akan salah laku, seperti meliputinya dengan selimut. Contohnya *“Tiada apa-apa yang buruk berlaku.”*
2. Memberi dalih atau cuba menegakkan kesalahan. Contohnya, *“Dia tidak bermaksud begitu.”* Sebagai bandingan, Yusuf melihat salah laku saudara-saudaranya sebagai satu kesalahan, tidak lebih dan tidak kurang (Kejadian 50:20).
3. Menjelaskan perbuatan bagi menutup kesalahan. Dia menyalahkan kelemahan orang itu sebagai alasan dia menyakiti orang lain. Keperluan untuk menganalisa secara psikologi si pelaku kesalahan sangat kuat terutama sekali jika orang itu mempunyai hubungan rapat dengan yang disakiti, seperti ibu bapa/adik-beradik/guru/pastor/pemimpin gereja. Contohnya *“Dia menyentuh saya kerana dia menyangi saya”* apabila dicabul oleh saudaranya.
4. Menyalahkan diri sendiri. Contohnya seorang wanita yang pernah diperkosa oleh bapanya sendiri demasa dia masih seorang kanak-kanak, dan dia dipersalahkan oleh ibunya kerana menggoda! Ramai orang Kristian yang berfikir bahawa mereka berlaku baik jika mereka menanggung semua kesalahan walaupun itu bukan kesalahan mereka. Mereka cuba melindungi orang lain dengan memilih jalan untuk ‘berkorban’ bagi mereka. Tetapi ini sebenarnya adalah satu sikap neurotik yang disebabkan oleh rasa bersalah yang palsu.

Kita perlu meminta Roh Kudus untuk membantu kita menilai tentang apa sebenarnya kesalahan yang telah dilakukan terhadap kita dan benar-benar merasakan kesakitan yang disebabkan oleh kesalahan. Jika tidak, kita mungkin berdoa untuk mengampuni sesuatu yang tidak wujud, dan terlepas kesalahan yang sebenar yang perlu diampuni.

Pengampunan **ADALAH:**

1. Menghadapi kesalahan yang benar (iaitu kenyataan kesalahan)

*Nasihat:* Buat satu senarai 'kena' dan 'luka'. Anda boleh koyakkan senarai itu setelah anda memberi pengampunan. Mulakan dari sekarang jika ada nama-nama yang mula terlintas di fikiran.

2. Menghadapi kesakitan dan kepedihan (yang adalah akibat kesalahan yang telah dilakukan terhadap anda)

*Soalan:* "Bagaimana perasaan anda pada masa ia berlaku?" Contohnya anda merasa ditolak, dipermalukan, dibanding-bandingkan, diperlakukan secara tidak adil, dipandang rendah, dikhianati, diabaikan, ditinggalkan.

3. Menghadapi kemarahan dan rasa dendam (yang merupakan respon anda kepada salah laku dan rasa terluka anda). Jangan menafikan kemarahan anda dengan melakukan klise Kristian seperti, "*Sudah tentu sebagai seorang Kristian, saya telah memaafkannya.*" Jika anda memendam kebencian, anda mungkin menimbus peluang untuk penyembuhan juga.

---

*“Jika kamu marah, janganlah biarkan kemarahan itu menyebabkan kamu berdosa. Janganlah marah sepanjang hari.” (Efesus 4:26)*

---

4. Menghadapi Salib Tuhan. *“Sebaliknya, hendaklah kamu baik hati, saling berbelas kasihan, dan saling mengampuni sebagaimana Allah telah mengampuni kamu melalui Kristus” (Efesus 4:32).* Kristus telah menanggung semua kesalahan, hukuman dan keaiban dari dosa-dosa kita bagi pihak kita. Dengan cara yang sama, apabila kita mengampuni, kita menanggung kesalahan, hukuman dan malu untuk dosa-dosa orang lain pada diri kita sendiri dan kemudian menyerahkan mereka kepada Yesus, Allah yang Maha Pengampun. Sanggup menderita kerana kasih adalah satu-satunya cara untuk mengampuni.

Marilah kita “melakukan kepada orang lain apa yang Allah telah lakukan untuk kita.” Kerana Allah telah membatalkan hutang kita yang begitu banyak kepada-Nya, sudah tentu kita tidak boleh hutang yang sedikit daripada orang lain.

Dalam mengampuni orang lain, kita sekadar mengamalkan keadilan di mata Tuhan kerana Kristus telah membayar dosa-dosa orang yang bersalah terhadap kita. Selain itu, apabila kita mengampuni orang-orang yang telah bersalah kepada kita di dalam Nama Yesus, kita secara beransur-ansur mencipta imej-imej baru orang-orang yang



kita ampuni itu di dalam fikiran kita. Dalam kemurahan Allah, mereka diberi satu lagi peluang untuk menjadi orang-orang yang Allah telah tentukan untuk mereka. Ada banyak kesaksian tentang penindas-penindas yang menerima Penyelamatan-Nya, yang selepas diselamatkan berubah menjadi lebih seperti Kristus.

## Dari Pengampunan Ke Perdamaian

**P**engampunan sangat berbeza daripada perdamaian. Bukan semua pengampunan akan menawarkan perdamaian dengan serta-merta. Ada kalanya pengampunan berlaku dalam konteks hubungan seseorang dengan Allah selain daripada hubungannya dengan pesalah laku itu. Tetapi perdamaian memberi tumpuan kepada memulihkan hubungan yang rosak atau terputus. Apabila kepercayaan telah terhakis, pemulihan mungkin menjadi satu proses perjalanan yang panjang.

Berbeza dari pengampunan, perdamaian sering bergantung kepada sikap dan tindakan orang yang melakukan kesalahan. Walaupun tujuannya adalah bagi pemulihan hubungan yang rosak, orang-orang yang melakukan kesalahan yang besar dan berulang kali perlu bersedia untuk mengakui bahawa perdamaian adalah satu proses. Jika mereka benar-benar bertaubat, mereka akan menyedari dan menerima hakikat bahawa kemudaratan yang mereka lakukan akan mengambil masa untuk sembuh.

Dalam kebanyakan kes, walaupun orang yang bersalah mengaku salah kepada orang yang dia sakiti, orang yang

tersinggung wajar berkata, *“Saya memaafkan anda, tetapi ia mungkin mengambil sedikit masa bagi saya untuk mendapatkan semula kepercayaan dan memulihkan hubungan kita.”* Apabila Allah mengampunkan dosa-dosa kita, Dia tidak berjanji untuk menghapuskan semua kesan-kesan yang dicipta oleh tindakan kita. Diampuni, dipulihkan, dan dipercayai semula adalah satu pengalaman yang luar biasa. Tetapi adalah penting bagi orang-orang yang menyakiti orang lain untuk memahami bahawa sikap dan tindakan mereka akan memberi kesan kepada proses membina semula kepercayaan. Kata-kata sahaja sering tidak mencukupi untuk memulihkan kepercayaan. Adalah wajar bagi orang yang disakiti untuk menilai adakah yang si pesalah benar-benar telah bertaubat dan menyesal akan perbuatannya, sebelum dia menerima tawaran perdamaian tersebut.

### Tujuh Tanda-tanda Pertaubatan

**P**ertaubatan yang sebenar-benarnya akan membantu kita berganjak dari pengampunan ke perdamaian. Terdapat tujuh tanda-tanda yang menunjukkan pelaku salah itu benar-benar telah bertaubat dan bersedia untuk perdamaian:

1. Menerima tanggungjawab penuh bagi tindakannya. (Bukan sikap *“Oleh kerana anda fikir saya telah melakukan sesuatu yang salah ...”* atau *“Jika saya telah melakukan sesuatu yang menyinggung perasaan anda ...”*)
2. Menyambut baik pertanggungjawaban daripada orang lain. Mereka akan memastikan bahawa si pesalah laku benar-benar berasa kesal atas perbuatannya, dan

ingin diampuni serta didamaikan.

3. Tidak meneruskan tingkah laku yang menyakitkan hati itu lagi atau apa-apa perbuatan yang berkaitan dengannya.
4. Tidak memiliki sikap yang defensif kerana berada di pihak yang salah (iaitu seolah-olah cuba menyatakan bahawa dia sebenarnya tidak bersalah!)
5. Tidak menolak atau meremehkan tingkah laku yang menyakitkan orang itu. Harus mengakui perbuatannya (atau perkataannya) telah menyakiti hati orang lain.
6. Tidak membenci keraguan orang tentang keikhlasan mereka atau keperluan untuk menunjukkan keikhlasan mereka, terutama sekali dalam kes-kes yang melibatkan kesalahan berulang.
7. Membuat restitusi (pemulihan/pengembalian asal) di mana yang perlu.



John Stott menulis dalam bukunya yang bertajuk *Confess Your Sins*, “Jika kita boleh mengembalikan persahabatan dan keintiman penuh dengan orang yang telah kita sakiti, kita mendedahkan bukan kedalaman kasih kita, tetapi kedangkalannya kerana kita melakukan apa yang bukan untuk kebbaikannya yang tertinggi.

Pengampunan yang melangkahi isu-isu keperluan untuk bertaubat bukanlah kasih yang sebenar, tetapi hanya sesuatu yang sentimental.”


## Pengampunan: Satu Pembahagian Kerja

1. Pengampunan merupakan satu krisis ...  
Bahagian untuk manusia ... Kehendak

Soalan: “Adakah anda BERSEDIA untuk mengampuni orang itu?”

*jika tidak*

Soalan: “Adakah anda sanggup untuk dibentuk oleh Allah supaya anda lebih bersedia?”




*“Apabila kamu hendak mempersembahkan pemberian di atas mazbah kepada Allah, lalu teringat bahawa saudaramu sakit hati terhadap kamu, tinggalkanlah pemberianmu di hadapan mazbah. Pergilah berdamai dahulu dengan dia, barulah kembali lalu persembahkan pemberian kamu itu kepada Allah. Jika seseorang hendak mendakwa kamu di mahkamah, berdamailah dengan dia selagi ada masa dan sebelum tiba di mahkamah. Jika tidak, orang itu akan menyerahkan kamu kepada hakim, lalu hakim akan menyerahkan kamu kepada polis, kemudian polis akan memenjarakan kamu. Ketahuilah, kamu akan tinggal di penjara sehingga kamu melunaskan semua dendamu.”*

*(Matius 5:23-26)*

2. Pengampunan merupakan satu proses...  
Bahagian bagi Allah ... Perasaan

Proses penyembuhan perasaan mengambil masa. Tindakan mengikut kehendak hati atau perasaan berlaku dalam sekelip mata, seperti pelancaran roket. Manakala pemulihan perasaan berlaku secara beransur-ansur seperti sebuah kereta api kargo yang perlahan.



*“Kristus memansuhkan semua perintah dan peraturan dalam Taurat, supaya daripada dua kaum itu, Dia boleh menjadikan mereka satu umat yang baru, yang hidup bersatu dengan Dia. Dengan cara itu Kristus mendatangkan kedamaian. Dengan kematian-Nya di kayu salib, Kristus telah melenyapkan permusuhan mereka. Dengan salib itu Dia mempersatukan dua kaum itu dan memimpin mereka kembali kepada Allah. Demikianlah Kristus datang dan mengisytiharkan Berita Baik tentang kedamaian itu kepada semua orang.”*  
(Efesus 2: 15-17a)

**Ingatlah:**

Allah TIDAK meletakkan rasa bersalah ke atas kita, kerana masa diperlukan untuk mengubah perasaan kita.

## 20 Siri Kaunseling Pastoral

Oleh itu, kita perlu melakukan 5 perkara setelah kita mengampuni dan/atau diampunkan, agar kita dapat menentang serangan-serangan “perasaan” tersebut:

### 1 Ingat semula

... bahawa perasaan negatif adalah dari Iblis (Wahyu 12: 12) dan kita harus menolak mereka dalam nama Tuhan Yesus.

### 2 Sebut semula

... bahawa anda telah mengampuni. Itulah sebabnya memberi pengampunan di hadapan beberapa orang saksi (dalam kumpulan sendiri) adalah sangat membantu. Mereka mengesahkan pendirian anda dan memastikan anda bertanggungjawab terhadap keputusan anda. Pengampunan berlaku dalam konteks umat-Nya (Yakobus 5:16). Anda juga boleh mencatatkan peristiwa tersebut dalam diari anda.

### 3 Menolak

... perasaan bersalah bahawa anda belum mengampuni dan diampuni.

### 4 Ingat

... bahawa Allah adalah setia dalam mengubah dan membentuk anda

### 5 Bersukacitalah


... kerana Allah sangat senang bahawa anda telah mengampuni orang lain dan Allah hadir pada setiap tahap proses pemulihan.

Pengampunan juga melibatkan:

1. Menanggalkan diri yang lama dan mengenakan diri yang baru. Ini termasuklah pandangan dunia, hubungan dan gaya hidup anda. Contohnya jika seseorang yang bersalah laku terhadap anda adalah seorang yang sangat kaya, anda mungkin berazam menjadi lebih kaya supaya dapat dapat menunjukkan kepadanya. Ini boleh membawa kepada penyakit gila wang.
2. Menjalankan tanggungjawab untuk apa yang anda dipertanggungjawabkan pada masa ini. Anda tidak boleh menyalahkan orang lain atas apa yang berlaku. Dengarlah suara baru dari Roh Kudus, bukan rakaman yang lalu seperti "*itu salah dia*". Anda perlu menukar pita rakaman.
3. Menerima pengampunan Allah (1 Yohanes 1:9). Kita perlu mengampuni diri kita sendiri sebagaimana Allah telah mengampuni dosa kebencian kita. Jika tidak, ukuran kita dianggap lebih tinggi daripada ukuran Allah. Misalnya seorang gadis yang dirogol oleh teman lelakinya mungkin tidak dapat memaafkan dirinya sendiri kerana bahagiannya dalam hubungan itu, walaupun selepas dia bertaubat dari dosa itu.
4. Menggunakan bantuan visual yang simbolik. Misalnya, membuang senarai "kena dan luka" ke dalam tandas. Gunakan imaginasi yang berpatutan, jangan berlebihan.

## 22 Siri Kaunseling Pastoral

5. Membuat restitusi (pemulihan/pengembalian asal). Contohnya mengembalikan sesuatu atau berdamai dengan seseorang. Dalam hal ini, tunggulah masa yang sesuai dari Allah. Anda mungkin perlu hidup dengan keadaan tidak ada yang menang dan tetap berada dalam keadaan yang tegang. Contohnya, anda mungkin harus tetap tinggal bersama mertua yang telah salah faham terhadap anda.
6. Membangunkan visi 50/20. Carilah kehendak Allah dalam semua perkara.



*“Kamu sudah bermuafakat untuk melakukan kejahatan kepadaku, tetapi Allah mengubah kejahatan itu menjadi kebaikan, supaya banyak orang dapat diselamatkan seperti yang terbukti sekarang.”*

*(Kejadian 50:20)*

*“Kita tahu bahawa Allah mengendalikan segala hal sehingga menghasilkan yang baik bagi orang yang mengasihi Dia dan yang sudah dipanggil-Nya sesuai dengan rancangan-Nya.”*

*(Rom 8:28)*

7. Menghadapi kemarahan dan dendam terhadap Allah. Ini biasa terjadi kepada orang-orang yang dibesarkan dalam keluarga Kristian, lebih-lebih lagi



dalam keluarga pastor kerana Allah selalu diberi gambaran yang salah oleh orang-orang yang sepatutnya mengenal, mengetahui dan mengasihi-Nya. Alangkah besarnya sukacita kita jika kita diampuni daripada dosa ini oleh Allah yang penuh dengan belas kasihan.

Semoga rahmat Tuhan serta pelayanan pengampunan dan penyembuhan-Nya memberkatimu. Seperti anda mengampuni orang lain yang bersalah terhadap anda.

Shalom!



## **Refleksi**

Latihan Untuk Mengesan *Halangan-halangan Terhadap Langkah Pertama Dalam Pengampunan: Mengampuni dan Diampuni*

### **1. Kejahilan**

Baca Kisah Para Rasul 2:22-42

Mengapa orang-orang Yahudi tidak bertaubat daripada dosa-dosa mereka sebelum Petrus memberitahu mereka kebenaran tentang Yesus Kristus?

**2. Keengganan untuk meninggalkan masa lalu** yang selesa walaupun ia adalah tidak baik. Ini memerlukan perubahan cara hidup dan perubahan pandangan tentang Allah, orang lain dan diri kita sendiri. Perubahan-perubahan ini berlaku sebaik saja kita memulakan hidup baru yang baik (tetapi tidak selesa).

a. Baca Yohanes 5:1-9

Apa yang akan menjadi penghalang utama kepada pemulihan orang tersebut?

b. Baca Lukas 17:32 dan Kejadian 19:24-26.

Apa yang dikenang oleh orang-orang Israel dan mengapa?

3. **Keengganan untuk percaya** bahawa Allah boleh mengubah yang buruk menjadi baik untuk kita mengikut kehendak-Nya di bumi ini.
- a. Baca Kejadian 42:7, 43:30, 45:1-15 dan 50:1-21 secara berturut-turut. Apa yang anda dapat kesan tentang pemikiran dan perasaan Yusuf?
  
  - b. Bandingkan Kejadian 50:20 dengan Rom 8:28
  
  - c. Baca Kejadian 12:7, 15:1-6; 2 Tawarikh 20:7 dan Yakobus 2:23 secara berturut-turut.  
Mengapa Abraham dipanggil sebagai sahabat Allah?
  
  - d. Baca Kejadian 12:7, 13:18.  
Di manakah Abraham menemukan sumber bagi imannya yang berterusan?

Mezbah melambangkan sesuatu yang stabil, kuat dan kukuh. Keyakinan kita adalah pada Allah yang setia yang boleh dipercayai dan berniat baik kepada kita. Dia mampu memberikan kebaikan-Nya kepada kita. Sebuah khemah melambangkan sesuatu yang sementara dan boleh dipindahkan. Abraham membina mezbah apabila Allah menyatakan diri-Nya kepada dia. Tetapi, sebagai seorang peziarah, dia memasang khemah-khemah apabila dia mengembara, agar dia dapat meninggalkan apa yang tidak perlu supaya dengan mudah dia boleh terus bergerak ke tempat terbaik yang Allah telah sediakan untuknya.

- Adakah kita sanggup meninggalkan cara-cara berfikir kita yang salah untuk menerima berkat-berkat Tuhan dalam bentuk pemikiran, perasaan dan hidup yang benar?
- Adakah kita bersedia untuk percaya dan taat kepada Allah?

Jika pusat kepada penyembuhan adalah pengampunan, maka tunggak kepada penyembuhan adalah pemberkatan. Oleh itu, dalam setiap keperluan emosi terdapat isu rohani.

~ David A. Seamands